**PB NO. 01/2024**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM**

**KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA**

**TAWARAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SELUAS LEBIH KURANG 260 METER PERSEGI DI LOT 6115, DI KAWASAN PERUMAHAN TAMAN RAYA, PEKAN SABAK SEKSYEN 3, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR SECARA TENDER TERBUKA**

**TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN**

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-

1. Lokasi Tanah : Lot 6115 dikawasan perumahan Taman Raya, Pekan Sabak Seksyen 3, Daerah Sabak Bernam

2. Pelan Tapak : Pelan seperti dilampirkan

3. Harga Pasaran : RM 380.00 semeter persegi (Nilai Pasaran RM 99,000.00) (Nilaian daripada JPPH)

4. Butiran Tanah :

   a) Luas : Lebih kurang 260 meter persegi)

   b) Kategori : Bangunan

   c) Syarat Nyata : Bangunan Kediaman

   d) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi sebarang cadangan pembangunan:

      i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil.24/2022 bertarikh 22 September 2022 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil.6/2010 dan Arahan PTGS Bil.3/2016.; dan

      ii. Pelan Akui yang disahkan oleh Pengarah Jabatan Ukur Dan Pemetaan Selangor

5. Petender yang berjaya adalah dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis Borang 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri.

Bagi yang berminat, sila dapatkan dokumen tender PB NO. 01/2024 dengan harga RM50.00 daripada Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.

Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGARAH**
**PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR**
**TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS**
**40503 SHAH ALAM**

**TARIKH TUTUP:** 5 OGOS 2024 (pada atau sebelum jam 12.00 tengahari - Tiga puluh (30) hari daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.

…………………………………………

**(PENTADBIR TANAH)**
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM**

Tarikh : 5 JUL 2024







**PETUNJUK :**

- LOKASI TANAH
- JALAN JKR / PLB
- KAWASAN DI POHON :-

LOT 6115 = L.k. 260 Meter Persegi
LOT 6116 = L.k. 183 Meter Persegi
LOT 6117 = L.k. 121 Meter Persegi
LOT 6118 = L.k. 121 Meter Persegi
LOT 6119 = L.k. 121 Meter Persegi
LOT 6120 = L.k. 121 Meter Persegi




**TAJUK :**
**PELAN PELUPUSAN SECARA TENDER TERBUKA MENGIKUT PEKELILING GARIS PANDUAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN MELALUI TENDER TERBUKA BIL 3/2016 DI TAMAN RAYA SABAK BERNAM.**

NOTA :
1. Hitungan pelan mengikut syit
2. Pelan ini untuk tujuan

***PEKAN SABAK***

***TARIKH*** :

**PEJABAT DAERAH & TANAH**
**SABAK BERNAM**
**45300 SUNGAI BESAR**
**SELANGOR**

**PENTADBIR TANAH**

| | | |
|---|---|---|
| Dilukis Oleh | : | Fadzil Hanafi bin Mohamad |
| Penolong Pegawai Daerah | : | Farrah Izzati Binti Fuat |
| Tarikh | : | 5 JUL 2024 |

Rujukan Bil (31) PTSB 10/1/1/19 (T)